

**TEKS UCAPAN ALUAN**  
**Y.BHG. PROFESOR DR. ZULKIFILIE BIN IBRAHIM**  
**TIMBALAN NAIB CANSELOR (P&I),**  
**MENJALANKAN FUNGSI NAIB CANSELOR**

---

**KARNIVAL YOUNGPRENEURS GO! (YPGO!@UTeM) 2019**

**21 Februari 2019 (Khamis), 10.30 pagi**

**Pusat Sukan, UTeM**

Bismillahirahmanirrahim

Terima kasih saudara dan saudari Pengacara Majlis

**1. Yang Berhormat Tuan Cheng Chieng Jen**

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal  
Pengguna

**2. Yang Berhormat Tuan G. Saminathan A/L Ganesan**

Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, NGO dan  
Hal Ehwal Pengguna Negeri merangkap ADUN GADEK

**3. Yang Berbahagia Datuk Badrul Hisham bin Mohd**

Halaman 1 daripada 12



Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

**4. Yang Berbahagia Dato' Zahrah Abdul Wahab Fenner**

Ketua Pegawai Eksekutif, Suruhanjaya Syarikat Malaysia

Anggota Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Pegawai-Pegawai Kanan Universiti, Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi, Pengarah-Pengarah Bahagian, Dif-Dif Jemputan, Rakan Media, Tuan-Tuan dan Puan-Puan serta hadirin sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh,

Halaman **2** daripada **12**

Salam Sejahtera, Salam Melaka Berwibawa, Pintar, Hijau, Bersih.

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita berhimpun di Universiti Teknikal Malaysia Melaka pada hari ini bersempena **KARNIVAL YOUNGPRENEURS GO! @ UTeM 2019**.
2. Pertama sekali, bagi pihak Pengurusan Universiti Teknikal Malaysia Melaka, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada **Yang Berhormat Tuan Cheng Chieng Jen** di atas kesudian hadir seterusnya merasmikan Karnival YPGO!@UTeM 2019.
3. Dikesempatan ini, saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, NGO dan Hal

Halaman 3 daripada 12

Ehwal Pengguna Negeri Melaka merangkap ADUN GADEK, delegasi dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan dari lain-lain agensi ke Kampus Induk Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

4. Tidak dilupakan juga, selamat datang diucapkan kepada semua tenaga profesional keusahawanan, tenaga pengajar universiti, pelajar dan para pengunjung yang sudi meluangkan masa dan hadir bersama bagi memeriahkan lagi Karnival pada pagi ini.
  
5. Tidak lengkap rasanya kalau datang ke Negeri Melaka tanpa berpantun:

**Lenggang si dara di tepi titi,  
Turun ke sawah tampi jerami;  
Sudah lama kami menanti,  
Kehadiran Tuan ke Kampus UTeM kami.**

**Yang Berhormat, Hadirin dan Hadirat sekalian,**

6. Cabaran pendidikan tinggi dalam era revolusi industri 4.0 perlu senantiasa relevan dan memenuhi keperluan pemegang taruh, industri

Halaman 5 daripada 12

dan masyarakat. Proses pendidikan di peringkat pengajian tinggi merupakan satu aspek yang sangat dinamik dan sentiasa mengalami proses evolusi dan transformasi. Dalam kita berusaha untuk mencapai kecemerlangan, harus diingatkan antara kompenen penting adalah menghasilkan graduan yang holistik yang mempunyai ciri-ciri keusahawanan. Graduan adalah agen perubahan yang berupaya untuk mengubah tahap sosioekonomi keluarga di samping dapat mewujudkan peluang pekerjaan baharu, sekali gus memberi banyak manfaat terhadap pembangunan masyarakat dan negara.

7. Kerjasama antara Kementerian – Industri – Komuniti dan Masyarakat yang berterusan adalah penting dalam memastikan hasrat menjayakan agenda keusahawanan dan perniagaan khususnya di kalangan para pelajar tercapai. Saya difahamkan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia

(SSM) sendiri telah memperuntukkan geran berjumlah 10 juta Ringgit kepada para pelajar yang berkelayakan untuk mendaftarkan syarikat secara percuma. Inisiatif ini sekaligus menjadi pendorong dan pembakar semangat kepada para pelajar melibatkan diri dengan lebih mendalam di dalam bidang keusahawanan dan perniagaan.

### **Hadirin dan Hadirat sekalian,**

8. Penglibatan UTeM dalam membangunkan minat keusahawanan dalam kalangan pelajar dan masyarakat setempat bukanlah suatu perkara baharu. Ini kerana pada 1 Januari 2013 UTeM telah menguatkuasakan

- penubuhan Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Pembelajaran Berterusan.
9. Pusat ini dijenamakan semula pada awal tahun 2018 dengan nama baharu iaitu Pusat Pembangunan Perusahaan dan Teknousahawanan atau CREATE dengan peranan yang lebih meluas dan efektif.
10. Karnival YPGO!@UTeM 2019 yang dianjurkan secara bersama antara CREATE dan SSM ini merupakan platform terbaik yang mendorong minat generasi muda khususnya para pelajar dalam bidang keusahawanan dan perniagaan menerusi pelbagai skop pendedahan dan latihan kepada pelajar yang bakal bergraduasi kelak.

11. Selain itu, pelbagai pengisian telah dirangka dan diatur oleh pihak penganjur Karnival seperti taklimat ikon jutawan, khidmat nasihat, pameran, cabutan bertuah dan pelbagai aktiviti keusahawanan bersama dengan selebriti dan penuntut serta penglibatan alumni IPT yang telah berjaya termasuk alumni UTeM sendiri.
  
12. Karnival selama dua hari ini turut dimeriahkan lagi dengan pelbagai jualan di hampir 80 khemah dan *booth* yang tersedia, dengan sasaran lebih daripada 2,000 orang pengunjung.
13. Saya yakin menerusi pengisian dan sokongan yang mantap daripada pelbagai pihak, pengunjung karnival ini akan membawa pulang

semangat dan pemikiran baharu berserta seribu cabang idea keusahawanan dan perniagaan dalam melengkapkan diri menjadi seorang usahawan yang berjaya masa hadapan.

**Hadirin dan Hadirat sekalian,**

14. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, NGO dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Melaka, di atas sokongan berterusan yang diberikan kepada UTeM, dan tidak dilupakan kepada dif-dif kehormat serta para pengunjung kerana sudi hadir bagi memeriahkan suasana penganjuran program ini.
15. Syabas dan terima kasih juga kepada Jawatankuasa Pelaksana

Karnival YPGO!@UTeM iaitu CREATE dan SSM atas usaha dan komitmen tinggi sehingga karnival bermanfaat ini dapat dianjurkan dengan jayanya sepetimana yang dirancang.

16. Izinkan saya menutup dengan serangkap pantun:

Petang berehat ke Lubuk Sembilang,  
Enak menikmati buah berangan,  
Usahawan cemerlang negara terbilang,  
Menjana ekonomi memacu kegemilangan.

Sekian, terima kasih. Wabillahitaufik wal hidayah wasalamualikum  
wbt.

Halaman **12** daripada **12**